



NOTIS KERJA-KERJA UNDI BIL. 3/2022

PELAWAAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR BAGI MENYERTAI KERJA-KERJA REQUISITION SECARA UNDIAN DI PERBADANAN PUTRAJAYA

1. Kerja Undi adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) di WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA sahaja dalam **GREDD G1** bagi **KATEGORI B PENGKHUSUSAN B04**.
2. Pendaftaran dan sesi cabutan kerja-kerja undi akan diadakan seperti ketetapan berikut:

TEMPOH PENDAFTARAN 11 OKTOBER 2022 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH HARI SEHINGGA 21 OKTOBER 2022 (JUMAAT) JAM 12.00 TENGAH HARI

- Pendaftaran kontraktor **HANYA** akan dibuat melalui **Microsoft Form** seperti di pautan <https://forms.office.com/r/YW9MpJUFRd> atau imbās Kod QR di bawah:-
scan me



- Pendaftaran selain dari ketetapan ini tidak akan dipertimbangkan.

**TARIKH CABUTAN UNDI
MASA PENDAFTARAN
TEMPAT**

**31 OKTOBER 2022 (ISNIN)
2.00 PETANG – 3.00 PETANG
DEWAN SERI SIANTAN, KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA**

- Senarai kontraktor yang telah mendaftar dan berstatus **LAYAK** untuk menyertai kerja undi akan dimuat naik di Portal Rasmi PPj pada **26 Oktober 2022**.
- Kehadiran adalah diwajibkan kepada hanya seorang sahaja sama ada pemilik syarikat atau pegawai yang ditauliahkan di dalam sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK).
- Pendaftaran selain dari waktu yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- Pemakaian pelitup muka dan SOP lain yang berkaitan adalah wajib dipatuhi.

3. Senarai kerja-kerja undi boleh disemak bermula pada **7 Oktober 2022** di Portal Rasmi PPj.
4. Syarat-syarat kelayakan Pendaftaran Kontraktor:
 - a. Kontraktor hendaklah mempunyai Sijil Perakuan berikut yang masih sah berkuat kuasa **tidak kurang 90 hari** dari tarikh notis ini diiklankan:
 - Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
 - Sijil Taraf Bumiputera (STB)
 - b. Sebarang urusan pengecualian atau kebenaran khas daripada CIDB adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
5. Pihak PPj akan melaksanakan saringan kelayakan berdasarkan kepada ketetapan seperti di **Lampiran A - Syarat-syarat Menyertai Pelawaan**. Hanya kontraktor yang lulus saringan tersebut layak menyertai kerja-kerja undi yang ditawarkan.
6. Bilangan kerja yang akan diundi pada tarikh yang telah ditetapkan adalah tertakluk kepada jumlah kontraktor yang layak dan hadir pada sesi cabutan kerja undi.
7. Keputusan cabutan undi dan sebarang makluman rasmi yang berkaitan akan dimaklumkan melalui Portal Rasmi PPj.
8. Untuk sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 / 012-228 2362 atau e-mel ke spp@ppj.gov.my

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN PUTRAJAYA DI ALAMAT :
<https://www.ppj.gov.my> & <https://myprocurement.treasury.gov.my>

**PEROLEHAN KERJA-KERJA *REQUISITION*
SECARA UNDIAN PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj)
SYARAT-SYARAT MENYERTAI PELAWAAN**

1. TERBUKA KEPADA KONTRAKTOR BERDAFTAR DI PUTRAJAYA SERTA MEMENUHI SYARAT-SYARAT SEPerti YANG DINYATAKAN DALAM IKLAN. PENILAIAN KONTRAKTOR LAYAK AKAN DIBUAT BERDASARKAN KEPADA 7 KRITERIA SEPerti BERIKUT:
 - i. Alamat berdaftar di Putrajaya;
 - ii. Gred G1;
 - iii. Kategori B (B04);
 - iv. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)*;
 - v. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)*;
 - vi. Sijil Taraf Bumiputra (STB)*; dan
 - vii. Bebas dari tindakan tatatertib.

** masih berkuatkuasa tidak kurang 90 hari dari tarikh notis*
2. PENDAFTARAN BAGI MENYERTAI KERJA UNDI HANYA DIBUAT SECARA DALAM TALIAN MELALUI *MICROSOFT FORM*. SILA RUJUK PAUTAN ATAU IMBAS *QR CODE* YANG DINYATAKAN DALAM IKLAN.
3. SYARIKAT DIGALAKKAN UNTUK MEMBUAT PENDAFTARAN AWAL. PPj TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KEGAGALAN SYARIKAT UNTUK MENYERTAI CABUTAN KERJA UNDI DISEBABKAN PENDAFTARAN KERJA UNDI DI SAAT AKHIR.
4. KETETAPAN HARGA BAGI KERJA-KERJA *REQUISITION* INI ADALAH BERDASARKAN JADUAL KADAR HARGA KERJA-KERJA KECIL DAN PEMBAIKAN JKR YANG TERKINI.
5. SENARAI SYARIKAT YANG LAYAK UNTUK MENYERTAI SESI CABUTAN KERJA UNDI AKAN DI PAPARKAN DI PORTAL RASMI PPj PADA TARIKH YANG DITETAPKAN SEPerti DALAM IKLAN. SYARIKAT TURUT AKAN MENERIMA E-MAIL / PANGGILAN TELEFON DARI PPj BAGI MAKLUMAN TERSEBUT.
6. HANYA PENAMA / PEMILIK YANG SAH SAHAJA SEPerti DALAM SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN BOLEH MEMBUAT PENDAFTARAN. PIHAK PPj BERHAK MENOLAK PENYERTAAN SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT TERSEBUT ADALAH PALSU, DAN MEMBATALKAN PENYERTAAN JIKA MENDAPATI PEMOHON MEWAKILI BAGI PIHAK YANG LAIN.
7. KONTRAKTOR YANG TELAH MENGHANTAR MAKLUMAT DALAM TALIAN, ADALAH BERSETUJU DAN MENGAKU BAHAWA SEMUA MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN ADALAH BENAR. SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH PALSU, KONTRAKTOR TERSEBUT ADALAH TIDAK LAYAK UNTUK DISENARAikan, DAN TIDAK LAYAK UNTUK MENDAPAT KERJA DALAM PROSES KERJA UNDI INI.
8. KONTRAKTOR SIMPANAN LAYAK MENYERTAI SESI UNDIAN BERIKUTNYA SELAGI TIADA TAWARAN KERJA-KERJA UNDI DARI PPj. SEKIRANYA SENARAI KONTRAKTOR SIMPANAN TELAH DIGUNAKAN SEPENUHNYA, KERJA-KERJA TERSEBUT AKAN DIBAWA KE SESI UNDIAN BERIKUTNYA.



**PEROLEHAN KERJA-KERJA *REQUISITION*
SECARA UNDIAN PERBADANAN PUTRAJAYA (PPj)
SYARAT-SYARAT MENYERTAI PELAWAAN**

9. KONTRAKTOR YANG GAGAL MEMULAKAN KERJA DITAPAK ATAU GAGAL MENYIAPKAN KERJA DALAM TEMPOH YANG TELAH DITETAPKAN TIDAK LAYAK MENYERTAI UNDIAN UNTUK SESI BERIKUTNYA.
10. KONTRAKTOR YANG TELAH BERJAYA DILANTIK TETAPI MENARIK DIRI DARI MELAKSANAKAN KERJA YANG DITAWARKAN TIDAK LAYAK MENYERTAI SESI UNDIAN BERIKUTNYA.
11. KEPUTUSAN UNDIAN ADALAH MUKTAMAD. SEBARANG RAYUAN BAGI APA-APA PERUBAHAN KEPADA KEPUTUSAN UNDIAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.
12. KONTRAKTOR YANG BERJAYA DALAM SESI UNDIAN AKAN MENERIMA INDEN KERJA DALAM TEMPOH LIMA (5) HARI BEKERJA DARI TARIKH CABUTAN UNDIAN DIBUAT.

